


FESTKUM 2009

Gabung 1 Malaysia 1 Budaya

Pn. Shitah/Rose

Kuala Lumpur, 9 hingga 13 Disember 2009 - Festival Kebudayaan Universiti-universiti Malaysia 2009 (FESTKUM) merupakan satu lagi kerja kreatif Majlis Kebudayaan Universiti-universiti Malaysia (MAKUM) dan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dengan kerjasama Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan Malaysia dalam usaha untuk memupuk Kemahiran Insaniah dikalangan pelajar IPTA di negara kita. Konsep penganjuran FESTKUM 2009 ini dilihat dapat melancarkan aktiviti kebudayaan yang dirancang setiap tahun supaya mampu melahirkan masyarakat pelajar yang memiliki keseimbangan dari segi kehebatan akademik serta penghayatan nilai sahsiah yang tinggi dan juga merupakan satu wadah menggabungkan kesemua penganjuran program kebudayaan dan kesenian bersifat gala dan tersusun.

Sebanyak 20 Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang terdiri daripada 1391 mahasiswa yang terdiri daripada pelbagai kaum menyertai festival ini menerusi lapan acara seni yang dipertandingkan seperti boria, dikir barat, pantun, muzik akustik, Tarian Zapin, Cina dan India. Festival ini diadakan diempat buah tempat iaitu di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti



Malaya (UM), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Teknologi MARA (UiTM).

Bertemakan 'Satu Budaya' yang menggambarkan aspirasi kerajaan yang memperkenalkan slogan '1 Malaysia', "Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan", FESTKUM berupaya mengharmonikan aktiviti-aktiviti dikalangan warga sarjana malah dapat memberi kesan yang lebih positif. Selain daripada itu, kerjasama yang lebih terpimpin dan berkualiti adalah satu pencapaian yang boleh kita banggakan.

UKM merupakan Johan Keseluruhan bagi FESTKUM 2009 yang membawa pulang wang tunai RM 10,000.00 beserta Piala Utama dan tempat ke-2 merupakan UiTM yang menerima wang tunai RM7,500 manakala tempat ke-3, Universiti Putra Malaysia (UPM) mendapat RM5,000.

UniMAP telah menghantar seramai 75 orang pelajar menyertai 8 acara yang dipertandingkan dan telah berjaya mendapat tempat ke 8 secara keseluruhannya daripada 20 IPTA yang menyertai FESTKUM 2009. Untuk acara Boria, UniMAP telah mendapat Johan untuk Gubahan Lirik Boria dan Tempat Ketiga untuk Persembahan Boria dan bagi Acara Tarian Tradisional Cina pula, pelajar UniMAP telah mendapat Tempat Ketiga. Majlis Pembukaan FESTKUM 2009 yang didakwa di UKM pada 9hb Disember 2009 oleh Pengurus MAKUM yang merupakan wakil kepada Menteri Pengajian Tinggi Malaysia dan Majlis Penutup FESTKUM 2009 telah dirasmikan oleh Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan, Datuk Joseph Salang Gandum yang diadakan di UM pada 13hb Disember 2009.

Dalam pengucapan beliau berkata, festival ini wajar diteruskan pada masa akan datang demi memperkasakan seni dan budaya bangsa. Dan ianya memberi peluang mahasiswa IPTA menonjolkan bakat dan idea melahirkan insan kreatif dan berwawasan. "Penganjuran FESTKUM 2009 ini bukan sahaja dapat menerapkan nilai kesenian di kalangan mahasiswa IPTA malah turut memberi kesan yang positif untuk mewujudkan perpaduan melalui seni dan saya juga berharap festival ini akan menjadi program tahunan kebudayaan di IPT," katanya.

Turut hadir pada majlis penutup, Timbalan Menteri Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Dr Hou Kok Chung dan Timbalan Naib Canselor, Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UM, Profesor Madya Datuk Dr Azarae Alias.